



LEMBAGA GETAH MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah yang masih dibenarkan membuat sebutharga bagi bekalan berikut:

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN		
LGM/SH/ UKTP/24/ 2019	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI DAN MENTAULIAH SATU (1) UNIT MESIN KALENDAR GETAH (RUBBER CALENDAR) DI AKADEMI HEVEA MALAYSIA, SG BULOH, LEMBAGA GETAH MALAYSIA.	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF): 130101 Atau 130102	Tarikh Taklimat : 31 Mei 2019 Masa : 10.00 pagi Tempat : Akademi Hevea Malaysia, Lembaga Getah Malaysia 47000 Sg Buloh, Selangor.	Tarikh Jualan : 31 Mei (selepas taklimat) 10 Jun -13 Jun 2019 Masa : 10.00 Pagi – 4.00 Petang Tempat : Pejabat PA, Bahagian Kualiti & Perkhidmatan Teknikal (BKPT), Lembaga Getah Malaysia 47000 Sg Buloh, Selangor,	

Kehadiran Ke Sesi Taklimat Adalah DIWAJIBKAN

Hanya penama yang tercatat di dalam sijil-sijil asal MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat atau lawatan tapak. Syarikat-syarikat tidak boleh mewakilkan kakitangan selain dari penama yang tercatat pada sijil. Syarikat-syarikat diwajibkan membawa bersama sijil pendaftaran MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra), Surat Akuan SST (asal/salinan yang diperakui sah) semasa taklimat atau lawatan tapak.

Dokumen sebutharga boleh dibeli pada waktu pejabat dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf/Wang Pos) atas nama **LEMBAGA GETAH MALAYSIA**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutharga yang ditetapkan sebelum atau pada 17 Jun 2019, jam 12.00 tengahari.

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)
No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
(Peti No. 1 & 2)

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebutharga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.